

03 SEP 1998

Abdullah-Mahathir

ABDULLAH ULANGI SOKONGAN KEPADA DR MAHATHIR

DURBAN, 3 Sept (Bernama) -- Menteri Luar dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menghubungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui telefon untuk mengulangi sokongan beliau kepada Perdana Menteri dalam apa juga tindakannya untuk memulihkan ekonomi negara.

Abdullah berkata beliau memberitahu Dr Mahathir yang juga Presiden Umno bahawa anggota-anggota Umno dan rakyat akan memahami tindakan beliau melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kabinet.

"Saya memberitahu beliau bahawa setelah ahli-ahli Umno dan rakyat memahami mengapa tindakan perlu diambil mereka akan menyokongnya," kata beliau kepada wartawan Malaysia di sini.

Abdullah berada di sini untuk mewakili Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak ke-12 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang akan berakhir hari ini.

Ketika ditanya sama ada beliau membincangkan mengenai pengganti Anwar dengan Dr Mahathir, Abdullah berkata: "Saya tak minta ulasan daripada PM."

"Saya tak sebut mengenai pengganti. Saya hanya sebut saya sokong kepada PM.

"Saya harap ahli-ahli Umno akan memahami (tindakan Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar) untuk mengekalkan kestabilan politik dan perpaduan kaum," kata beliau.

Abdullah berkata beliau juga memberitahu Dr Mahathir bahawa beberapa orang rakan sejawatan Perdana Menteri yang ditemui Abdullah di sini turut menyatakan sokongan mereka kepada Dr Mahathir dalam segala tindakannya untuk memulihkan ekonomi negara.

Mengenai tindakan memecat Anwar, Abdullah berkata: "Memang kalau Perdana Menteri membuat keputusan, beliau sangat berhati-hati, lebih-lebih lagi terhadap orang yang selama ini dianggap pengganti beliau (Dr Mahathir)."

Beliau berkata jika dilihat daripada reaksi Ketua-ketua Badan Perhubungan Umno negeri dan pemimpin-pemimpin Umno yang lain, ia membuktikan mereka memahami mengapa tindakan sedemikian diambil terhadap Anwar.

Mengenai kenyataan Anwar bahawa beliau telah difitnah oleh pihak-pihak tertinggi dalam Umno, Abdullah berkata Anwar bebas untuk mengeluarkan apa juga pandangan mengenai pelucutan jawatannya itu.

"Tapi dia kena buktikan apa yang dia cakap," katanya.

-- BERNAMA

ES NMO